

Terms and Conditions for Private Banking Account-i via Online Application (Individual Account)

The application to apply for Private Banking Account-i (Individual Account) online via Maybank2u website or MAE App shall be governed by these Terms and Conditions. These terms and conditions shall be read together with the Terms and Conditions Governing Mudharabah Investment Account(s) for Islamic Banking.

1. The account is applicable to existing Maybank Islamic Berhad or Malayan Banking Berhad individual customers (residents and non-residents of Malaysia) under Affluent or High Net Worth segment aged 18 and above with single account ownership. Each customer is only allowed to open one (1) Private Banking Account-i.
2. For Maybank Islamic Berhad or Malayan Banking Berhad new customer who is interested to apply for Private Banking Account-i, you are required to open a Premier Mudharabah Account-i via online successfully as pre-requisite. Upon account opening online, you are required to agree and accept the Terms and Conditions for Premier Mudharabah Account-i.
3. Upon Premier Mudharabah Account-i opening successfully, our Relationship Manager will reach out to you to enroll you as the Bank premier customer.
4. The minimum initial placement for opening of Private Banking Account-i is RM10,000.00. The minimum initial placement amount may be revised during promotional periods at any point of time upon the Bank's discretions subject to prior notice.
5. The minimum monthly income for opening of Private Banking Account-i is RM10,000.00 and above.
6. The minimum balance for Private Banking Account-i is RM1,000.00. The minimum balance amount may be revised at any point of time at the Bank's discretions subject to prior notice.
7. No introducer is required for an online application.
8. Maybank Islamic Berhad is a member of Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). Private Banking Account-i is not protected by PIDM.
9. Minimum Qualifying Criteria
 - 9.1 Unless decided otherwise by the Bank and notified to the customer, the customer shall maintain at all times a 'Minimum Qualifying Criteria' defined as:
 - a) A minimum aggregated total investment, deposit and financing of RM 1,000,000.00 or such other amount as the Bank determines maintained under the customer's sole account or joint account where the customer is the primary account holder, OR
 - b) A minimum aggregated total investment and deposit of RM250,000.00 or such other amount as the Bank determines maintained under the customer's sole account or joint account where the customer is the primary account holder.
 - 9.2 The Private Banking Account-i will be charged an annual maintenance fee of RM800 which will be debited to customer's Private Banking Account-i with prior notices to the customer if the customer fails to maintain the Minimum Qualifying Criteria for the past 12 months as stated in 9.1 above.
10. The Bank will notify you of your application status to the respective mobile number/email address provided by you.

11. You declare that the information provided in the application form is true and complete. You understand that the Bank reserves the right to reject your application at the Bank's reasonable discretion.
12. Electronic Monthly Statement will be made accessible for you via MAE App and M2U Website as a Private Banking Account-i customer. There will be no hardcopy statement issued for Private Banking Account-i.
13. You agree to examine and notify the Bank in writing immediately of any errors, irregularities or discrepancies in your electronic monthly statement of account.
14. The Bank will only process the application to open the account if all conditions imposed in these terms and conditions are complied with and that all required documents in the application process are duly provided and further subject to satisfactory customer due diligence to comply with all internal and regulatory requirements.
15. These terms and conditions shall prevail over any provisions or representations contained in any promotional materials whatsoever advertising the Private Banking Account-i.
16. These terms and conditions shall be governed by the Laws of Malaysia and be subject to the exclusive jurisdiction of the Courts of Malaysia.

Terma dan Syarat bagi Private Banking Account-i menerusi Atas Talian (Akaun Individu)

Permohonan untuk membuka Private Banking Account-i secara atas talian melalui Maybank2u tertakluk pada Terma dan Syarat yang berikut. Terma dan Syarat ini perlu dibaca bersama dengan Terma dan Syarat yang mentadbir Akaun Pelaburan Mudarabah untuk Perbankan Islam.

1. Private Banking Account-i ini adalah untuk pelanggan individu sedia ada Maybank Islamic Berhad atau Malayan Banking Berhad (pemastautin dan bukan pemastautin Malaysia) di bawah segmen Affluent atau High Net Worth yang berumur 18 tahun dan ke atas bagi pemilikan perseorangan. Setiap pelanggan hanya dibenarkan untuk membuka satu (1) Private Banking Account-i sahaja.
2. Bagi pelanggan baru Maybank Islamic Berhad atau Malayan Banking Berhad yang berminat untuk memohon Akaun Private Banking Account-i, anda dikehendaki membuka Akaun Premier Mudharabah-i melalui atas talian sebagai pra-syarat. Apabila akaun dibuka secara atas talian, anda dikehendaki bersetuju dan menerima Terma dan Syarat untuk Akaun Premier Mudharabah-i.
3. Selepas Akaun Premier Mudharabah-i berjaya dibuka, Pengurus Perhubungan kami akan menghubungi anda untuk mendaftarkan anda sebagai pelanggan premier Bank.
4. Jumlah minimum pelaburan permulaan untuk pembukaan Private Banking Account-i adalah sebanyak RM10,000.00. Jumlah minimum pelaburan permulaan boleh dipinda oleh Bank pada bila-bila masa dalam tempoh promosi melalui notis.
5. Pendapatan bulanan minima untuk pembukaan Private Banking Account-i adalah RM10,000.00 dan ke atas.
6. Baki minimum untuk Akaun Private Banking-i ialah RM1,000.00. Jumlah baki minimum boleh dipinda pada bila-bila masa mengikut budi bicara Bank tertakluk kepada notis awal.
7. Bagi permohonan akaun atas talian, pencadang (*Introducer*) tidak diperlukan.
8. Maybank Islamic Berhad ialah ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). Private Banking Account-i tidak dilindungi oleh PIDM.
9. Kriteria Kelayakan Minimum
 - 9.1 Kecuali diputuskan sebaliknya oleh Bank dan dimaklumkan kepada pelanggan, pelanggan hendaklah mengekalkan pada setiap masa "Kriteria Kelayakan Minimum" yang ditakrifkan sebagai:
 - a) Jumlah pelaburan, deposit dan pembiayaan terkumpul minimum sebanyak RM 1,000,000.00 atau jumlah lain seperti yang ditentukan oleh Bank di bawah akaun tunggal atau bersama pelanggan di mana pelanggan adalah pemegang akaun utama, ATAU
 - b) Jumlah pelaburan dan deposit terkumpul minimum sebanyak RM250,000.00 atau jumlah lain seperti yang ditentukan oleh Bank yang disimpan di bawah akaun tunggal atau akaun bersama pelanggan di mana pelanggan adalah pemegang akaun utama.
 - 9.2 Private Banking Account-i akan dikenakan fi penyenggaraan tahunan sebanyak RM800 yang akan didebitkan kepada akaun pelanggan dengan notis terlebih dahulu kepada pelanggan jika pelanggan gagal untuk mengekalkan Kriteria Kelayakan Minimum selama tempoh 12 bulan yang lalu seperti yang dinyatakan dalam butiran 9.1 di atas.
10. Bank akan memaklumkan kepada anda berkenaan status permohonan Akaun anda kepada nombor telefon mudah alih/alamat emel yang telah diberikan oleh anda.

11. Anda mengesahkan bahawa segala maklumat yang diberi di dalam borang permohonan adalah benar dan lengkap. Anda juga memahami bahawa Bank berhak untuk menolak mana-mana permohonan mengikut budi bicara Bank.
12. Penyata Akaun Bulanan Elektronik akan disediakan kepada anda melalui aplikasi MAE dan laman web Maybank2U sebagai pelanggan Private Banking Account-i. Salinan cetak Penyata Akaun Bulanan tidak akan disediakan untuk Private Banking Account-i.
13. Anda bersetuju untuk meneliti dan memaklum pihak Bank secara bertulis dengan serta merta sekiranya terdapat apa-apa kesalahan, penyelewengan, percanggahan di dalam Penyata Akaun Bulanan Elektronik.
14. Bank hanya akan memproses permohonan untuk membuka akaun dalam talian jika segala syarat yang dikenakan di dalam Terma dan Syarat dipenuhi dan segala dokumen disediakan dan selanjutnya, ia juga bergantung kepada penilaian wajar pelanggan (*customer due diligence*) yang memuaskan dan mematuhi segala keperluan dalaman serta keperluan kawal selia.
15. Terma dan Syarat ini akan berkuasa keatas mana-mana peruntukan atau perwakilan yang terdapat di dalam bahan promosi pengiklanan Private Banking Account-i.
16. Terma dan Syarat ini tertakluk di bawah Undang-Undang Malaysia dan dalam bidang kuasa Mahkamah-Mahkamah di Malaysia.